

Dr Khoo selesa aroma buku

Cucu tauke lombong mahu didik masyarakat peka sejarah tanah air sendiri

SEMBANG SABTU

Oleh Wan Hazmir Bakar

PEJABATNYA di Universiti Malaya (UM) berselerak dengan timbunan buku, makalah, dokumen dan fail meninggi di atas meja serta lantai bersama kotak yang sarat berisi bahan cetakan lain.

"Maaf, isteri saya pun dah lama kata bilik ini bersepah dan perlu dibersihkan tetapi saya biarkan begini," kata Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim sambil ketawa ketika mengiringi penulis ke ruang sebelah kiri yang menempatkan mejanya. Di dinding bahagian tepi dan belakang tempat duduknya pula terpahat rak yang juga sarat dengan buku yang kebanyakannya sudah lapuk di mamah usia. Aroma buku usang menyelubungi ruang bilik menjadikan suasana seakan-akan kutub khanah.

Menyambung semula temu bual, anak kelahiran dan cucu pengusaha lombong di Kampar, Perak itu mengimbau kembali zaman kanak-kanaknya ketika penaklukan Jepun.

Ketika berusia empat tahun, keluarga Prof Khoo berpindah ke Teluk Anson (kini Teluk Intan) apabila bapanya mendapat jawatan kerani dalam pentadbiran British, tetapi apabila tentera Jepun menceroboh Tanah Melayu tidak lama kemudian, mereka sekeluarga kembali ke Kampar untuk berlindung dalam hutan.

Namun, bagi Prof Khoo dan keluarganya, kehidupan mereka pada zaman penaklukan Jepun tidaklah seburuk seperti yang lazim diperkatakan generasi masa itu.

Malah, katanya, kehidupan di Kampar tetap berjalan seperti biasa dan penduduk masih boleh berhibur dengan menyaksikan bangsawan serta opera Cina.

"Satu perkara yang orang tak faham ialah sepanjang pemerintahan Jepun, pentadbiran sebenarnya dijalankan secara langsung oleh pegawai Melayu sebab masa Jepun tiba, ramai orang Melayu diserap dalam Malayan Civil Service (MCS) dan lebih ramai lagi berkhidmat dengan Malay Administrative Service (MAS).

"Mereka ini banyak pengalaman dan Jepun tetap bergantung kepada mereka untuk menjalankan pentadbiran dan untuk memudahkan keadaan, Jepun membenarkan pentadbiran dijalankan dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu.

"Di Negeri Melayu Tidak Bersekutu mereka banyak menggunakan bahasa Melayu, di Negeri Melayu Bersekutu lebih banyak guna bahasa Inggeris. Di samping itu kakitangan kerajaan dikehendaki menghadiri

kursus bahasa Jepun mudah," katanya yang terpaksa berhenti bercerita untuk menjawab panggilan telefon.

Menyambung perbualan, Prof Khoo berkata, ramai juga yang tidak memahami fakta sejarah perjuangan Umno dan kemerdekaan negara kerana pelajaran sejarah diajar dengan pelajar disuruh menghafal tanpa mengetahui kisah sebenar.

"Kebanyakan orang tak tahu masa Malayan Union, kedaulatan sultan sudah hilang. Sebelum Perang Dunia Kedua, campur tangan British hanya dalam pentadbiran, tetapi kedaulatan Raja-Raja Melayu kekal. Ia hilang di bawah Malayan Union, maka Umno berlawan dan akhirnya British tunduk dan batalkan Malayan Union.

"Kalau kita ditanya apakah yang diperjuangkan Datuk Onn Jaafar, jawabnya dia berlawan untuk menebus kembali kedaulatan Raja-Raja Melayu, bukannya orang Melayu. Bila ada raja, baru ada Melayu... itulah maksud kerajaan, iaitu kerajaan.

"Maka kedaulatan dipulangkan kepada Raja-Raja pada 1 Februari 1948. Sebenarnya itulah masa merdeka, sebuah negara yang merdeka ialah negara yang ada kedaulatan. Kedaulatan hilang hanya masa Malayan Union.

"Maka pada 31 Ogos 1957, British tidak pulangkan kedaulatan kepada Raja-Raja Melayu, dia berundur sebagai pelindung.

"Ketika British campur tangan dulu, kerajaan Melayu dipanggil The Protected Malay States, manakala Negeri-negeri Selat dipanggil British Colonies. Maka kalau kata sebelum Perang Dunia Kedua kita dijajah British, dari segi undang-undang tidak betul.

"Hanya Negeri-negeri Selat saja dijajah, sebab itu di Semenanjung ada Pesuruhjaya Tinggi British dan di Negeri-negeri Selat baru ada gabenor.

"Apa yang lebih penting kedaulatan dipindah daripada raja kepada rakyat. Sekarang kedaulatan ada pada rakyat, lambangnya Parlimen dan parti politik.

"Rakyatlah yang memerintah, Ahli Parlimen berkhidmat kepada rakyat, bukan menjadi tuan kepada rakyat. Ahli Parlimen bukannya wakil bangunan itu tetapi wakil kepada rakyat," katanya yang kini menggunakan masa terluang untuk menjalankan kajian, termasuk berhubung sosio ekonomi bangsa Melayu.


Beliau berkata, selama ini permasalahan orang Melayu tidak dijelaskan secara sistematik manakala kajian pula dilakukan secara emosional.

"Saya bukan seperti ahli sejarah lain, saya tidak menulis artikel untuk beberapa orang ahli sejarah lain. Saya nak tulis untuk orang ramai, nak menolong orang ramai memahami aspek masyarakat kita yang penting.

"Kalau saya menulis artikel yang serius dan akademik dan penuntut

“Saya nak tulis untuk orang ramai, nak menolong orang ramai memahami aspek masyarakat kita yang penting”

Dr Khoo Kay Kim



tidak baca, akhirnya tak sampai 10 orang yang baca, tak guna," katanya.

Sambil memegang buku *British Intervention In Malaya* tulisan Prof C Northcote Parkinson, Prof Khoo berkata kekagumannya terhadap profesor sejarah Universiti Malaya, Singapura itu adalah antara sebab beliau mengikuti pengajian sejarah.

"Profesor ini sangat terkenal, dia tulis buku berasaskan kajian ilmiah penuntut dia. Orang macam dia dulu jadi ikon dalam bidang sejarah dia, bidang ekonomi orang lain, bidang geografi ada orang lain lagi. Profesor zaman dulu jadi ikon, sekarang penuntut sendiri pun tak tahu nama profesor," katanya.

FAKTA

Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim

Tarikh Lahir: 28 Mac 1937

Tempat lahir: Kampar, Perak

Isteri: Datin Rathi Malar

Anak: Eddin Khoo, Rubin Khoo dan Mavin Khoo

Pendidikan:

● Sekolah Anglo-Chinese Teluk Intan (1945-51)

● St Michael's Institution, Ipoh (1952-56)

● Universiti Malaya, Singapura (1956-60)

Kerjaya:

● Guru Sekolah Anglo-Chinese, Teluk Intan (1960-64)

● Tutor Jabatan Sejarah UM (1964-66)

● Pembantu Pensyarah Jabatan Sejarah UM (1966-67)

● Pensyarah Jabatan Sejarah UM (1967-74)

● Profesor Madya Jabatan Sejarah UM (1974-75)

● Profesor Jabatan Sejarah UM (1975-1994)

● Pengarah Pusat Sukan UM (1994-96)

Pentadbiran:

● Ketua Jabatan Sejarah UM (1973-74, 1982-84)

● Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial UM (1984-86)